

Buku Indonesia, Malaysia dibahas

Oleh Adli Shahar

adli@mediaprima.com.my

Siri Diskusi Buku anjuran Jabatan Kesusasteraan Melayu, Akademi Pengajian Melayu (APM), Universiti Malaya (UM), menyaksikan perbincangan mendalam mengenai dua naskhah buku yang masing-masing diterbitkan di Malaysia dan Indonesia.

Salah satu buku yang dibincangkan, *Kritik Sastra: Sebuah Penilaian Terhadap Karya Sastra* karya Zulfa Hanum yang menghuraikan beberapa aspek dalam kritikan sastra menurut pandangan pengarangnya.

Buku tipis

Ketua Jabatan Kesusasteraan Melayu APM, Datuk Dr Hashim Awang berkata, buku berkenaan walaupun mempunyai bilangan halaman yang sedikit, namun ia



Dr Arba'ie (kiri) dan Dr Hashim Ismail pada **Siri Diskusi Buku di UM**, baru-baru ini.

membawa persoalan menarik dan berat.

“Bilangan halamannya biarpun kecil, namun ia dihasilkan dengan jumlah bab yang banyak, iaitu tujuh bab kesemuanya dan setiap persoalan pula dibahas dalam cara yang ringkas. Ia menyentuh

hakikat teori sastra, sejarah perkembangan teori sastra, ukur tara dalam kegiatan mengkritik sastra dan pendekatan dalam kritikan sastra,” katanya pada sesi yang diketendalikan oleh Pensyarah Jabatan Kesusasteraan Melayu, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya

(UM), Prof Madya Dr Hashim Ismail.

Persoalan menarik

Beliau menjelaskan walaupun buku dengan ketebalan 84 halaman terbitan Pt Pustaka Mandiri di Indonesia itu membawa persoalan menarik dan berat, ia disampaikan dengan cara singkat tanpa ada huraian mendalam dan contoh bersesuaian.

“Ayat yang digunakan juga agak panjang sehingga sukar untuk difahami dengan baik, lebih-lebih lagi kepada pembaca biasa yang tidak memiliki pengetahuan dalam kritikan sastra,” katanya.

Baginya, buku itu hanya mampu menjadi pengantar singkat mengenai kritikan sastra kerana memaparkan hanya fakta tanpa huraian kritis dan mendalam.

“Pujiannya bagaimanapun perlu diberi kepada penulisnya yang berani dan bersemangat besar dalam menulis dan menerbitkan karyanya. Semangat sedemikian banyak diperlihatkan penulis Indonesia, terutama dalam bidang penulisan akademik,” katanya.

Bara Cinta Canberra

Buku *Bara Cinta Canberra* karya Ilham Hamdani yang dibincangkan Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar Fakulti Bahasa dan Komunikasi Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Arba'ie Sujud, dikategorikan sebagai bahan bacaan yang sesuai untuk pembaca remaja.

“Olahan bahasanya sesuai dengan sasaran pembaca dan disertai nilai keilmuan. Sesuatu karya sastera dibangunkan menerusi bahasa dan di dalamnya terungkap kekayaan bahasa. Oleh sebab itu penggunaan karya sastera boleh dimanfaatkan untuk membantu penguasaan berbahasa,” katanya ketika mengulas buku terbitan PTS itu.

Beliau berkata, novel ini turut



*Dr Hashim
Awang*

menyelitikan prinsip stilistik yang memperlihatkan gaya keperibadian penulis novel terbabit dan pada masa sama memberi ruang untuk mendedkatkan jurang makna pembaca dengan makna penulis.

“Prinsip stilistik yang banyak boleh ditemui dalam novel ini membantu pembaca untuk memahami

makna yang sukar dan pada masa sama membicarakan persoalan dasar sastera melalui pengolahan bahasa,” katanya.

Novel itu berkisar kepada watak Ikmal Hakimi yang berhijrah ke Canberra, Australia, tetapi kehidupannya di sana tersasar daripada kehidupan individu beragama Islam, tetapi kehadiran kenalan seperti Bonda Marwa dan Izzudin Al-Qassam, membolehkannya kembali ke pangkal jalan.